

6 MAR 1996

Ramli - Proton

KILANG KEDUA PROTON GALAK PEMBANGUNAN DI LEMBAH BERNAM

IPOH, 6 Mac (Bernama) -- Pembukaan kilang kedua Proton di Lembah Bernam, Tanjung Malim menyebabkan kerajaan negeri menerima banyak permohonan pemilik tanah di sekeliling kawasan itu untuk menukar status tanah pertanian mereka sebagai tanah perindustrian, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Katanya setakat ini kerajaan negeri menerima permohonan untuk menukar status tanah pertanian seluas 4,000 hektar kepada perindustrian.

"Kawasan berkenaan berpotensi menjadi zon perindustrian utama di negeri ini berikutan kemudahan asas yang lengkap beserta pembekalan yang mencukupi seperti bekalan air, telekomunikasi dan elektrik yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan industri-industri berat itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri di pejabatnya di sini hari ini.

Ramli berkata jalan-jalan ke kawasan perindustrian itu akan dinaikkan taraf dan dilebarkan daripada satu laluan kepada dua laluan bagi memudahkan perjalanan manakala kawasan itu juga nanti mampu membekalkan kira-kira 100,000 talian telekomunikasi serta 15 juta gelen air sehari.

Acara pecahan tanah projek kilang Proton dan Hicom di kawasan seluas 1,600 hektar di Lembah Bernam 23 Mac ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah bersejarah dan bermakna kepada negeri ini yang kini menuju ke arah perindustrian berat dan berteknologi tinggi, katanya.

Ramli berkata pembinaan kilang kereta utama dan kilang-kilang vendor di sekelilingnya akan menjadikan projek tersebut sebuah kompleks perindustrian yang terbesar di negara ini.

"Malah dengan adanya kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D), perniagaan, rekreasi, institusi kemahiran dan kawasan pandu-uji kereta, kediaman dan komersil, ia juga bakal menjadikan kawasan itu sebagai sebuah Bandar Automobal," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir akan turut mengadakan lawatan ke Diamond Creek yang merupakan kawasan perumahan 'country homes' serta mengadakan lawatan kerja ke projek perbandaran bersepadu di Bukit Merah, di utara Perak.

Ramli juga berkata, mesyuarat Exco hari ini bersetuju mengenakan peraturan baru di mana semua projek perumahan yang akan dibina di negeri ini perlu dilengkapi dengan sistem rawatan air kumbahan bagi mengurangkan pencemaran sungai.

Keputusan itu dibuat bagi memastikan sungai-sungai di negeri tidak dicemari, katanya. -- BERNAMA.

RAZ CR